Danaharta Managers Sdn Bhd lwn Woodhouse Sdn Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO D3–22–378 TAHUN 2004
ABDUL ALIM ABDULLAH H
18 OCTOBER 2006

Acara Sivil — Penghakiman terus — Kemudahan pinjaman — Sama ada terdapat isu-isu yang perlu dibicarakan — Sama ada plaintif diikat oleh perjanjian penyelesaian — Sama ada terdapat pengakuan terhadap keberhutangan

Acara Sivil — Penghakiman terus — Kemudahan pinjaman — Sama ada terdapat isu-isu yang perlu dibicarakan — Sama ada perakuan keberhutangan konklusif terhadap hutang defendan-defendan

Beberapa kemudahan pinjaman telah diluluskan dan diberikan kepada defendan pertama oleh Asian International Merchant Bankers Berhad (AIMBB). Defendan kedua merupakan penjamin kepada kemudahan-kemudahan pinjaman tersebut. Pada 3 Januari 2001, plaintif telah memperolehi surat perletakhakan di bawah s 14 Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998, di mana segala hak milik dan kepentingan mengenai aset yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan pinjaman tersebut telah diperolehi oleh plaintif daripada AIMBB. Oleh kerana defendan pertama telah gagal mengawalselia kemudahan-kemudahan pinjaman tersebut, plaintif telah memulakan tindakan di sini. Timbalan Pendaftar telah membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan-defendan dan defendan-defendan merayu kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan tersebut dan membangkitkan pelbagai isu-isu yang dikatakan perlu dibicarakan.

Diputuskan, menolak rayuan defendan-defendan:

(1) Mengenai Perjanjian Komposit, defendan-defendan telah mengingkari perjanjian itu dan ia tidak dalam sebarang cara juapun mengikat plaintif (lihat perenggan 25).

(2) Defendan-defendan telah mengakui tuntutan plaintif untuk sejumlah RM49.6j dan plaintif memberikan syarat-syarat pembayaran melalui

A surat bertarikh 29 Julai 2003 dan diakui terima oleh defendan-defendan melalui surat bertarikh 14 Ogos 2003. Apabila defendan gagal mematuhi terma-terma penyelesaian, defendan-defendan sememanglah telah memungkiri terma-terma penyelesaian tersebut (lihat perenggan 26).

B (3) Apa yang nyata defendan kedua telah mengakui keberhutangan dan mengesahkan persetujuan terhadap terma-terma yang terkandung dalam surat tawaran plaintif untuk penyelesaian (lihat perenggan 31).

C (4) Mengenai perakuan keberhutangan yang dikemukakan oleh plaintif seperti di Lampiran 5, eks DBO-14 di mana ia adalah satu bukti konklusif terhadap hutang defendan-defendan kecuali mereka dapat menunjukkan kepada mahkamah bahawa terdapat 'manifest error' di dalam perakuan keberhutangan itu dan ini gagal ditunjukkan oleh D defendan-defendan di sini (lihat perenggan 32).

[English summary

E Several loan facilities were approved and granted to the first defendant by Asian International Merchant Bankers Berhad (AIMBB). Second defendant was a guarantor to the said loan facilities. On 3 January 2001, plaintiff obtained the vesting certificate under s 14 Pengurusan Danaharta Nasional Berhad Act 1998, where all title and interest of the assets as well as the said F loan facilities was assigned to plaintiff from AIMB. Due to failure of first defendant to regularize the said loan facilities, plaintiff had initiated this action. Deputy Registrar had allowed plaintiff's application to enter summary judgment against defendants and defendants appealed to the Judge in Chambers against the said decision, and raised various issues which ought to G be tried.

Held, dismissing defendants' appeal:

H (1) In relation to the Composite Agreement, defendants had breached the said agreement and it will not on any circumstances bind the plaintiff (see para 25).

(2) Defendants had admitted plaintiff's claim for the sum of RM49.6m I and plaintiff had given the terms of repayment vide letter dated 29 July 2003 and defendants duly acknowledged receipt via letter dated 14 August 2003. Whenever defendants failed to comply with the settlement terms, defendants were deemed to be the one who defaulted the said settlement terms (see para 26).

(3) Obviously second defendant had duly acknowledged the debt and given their approval against terms stipulated in the plaintiff's letter of offer for settlement (see para 31).

(4) With regards to the Certificate of Indebtedness adduced by the plaintiff as per encl 5, exh DBO-14 where it was conclusive evidence of the defendants' debt unless and until they were able to show to the court that there was a manifest error in the said certificate of indebtedness and this was failed shown by the defendants here (see para 32).]

Nota-nota

Untuk kes-kes penghakiman terus, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 3095–3097.

Undang-Undang yang dirujuk

Akta Pengurusan Danaharta Nasional s 14

Abdul Alim Abdullah H:

[1] Ini adalah rayuan oleh defendan-defendan terhadap keputusan Timbalan Pendaftar pada 15 November 2005 yang telah membenarkan permohonan plaintif untuk memasukkan penghakiman terus terhadap defendan-defendan.

KES PLAINTIF

[2] Pada 3 Januari 2001, plaintif telah memperolehi surat perletakhakan di bawah s 14 Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 di mana segala hak milik dan kepentingan mengenai aset yang berkaitan dengan kemudahan pinjaman dalam perkara ini telah diperolehi oleh plaintif daripada Asian International Merchant Bankers Berhad (AIMBB) (sila rujuk lampiran 5, eks DBO-1).

[3] Defendan pertama dan kedua telah berhutang dengan plaintif untuk sejumlah RM1,217,535.25 termasuk faedah.

[4] Melalui surat tawaran bertarikh 20 April 1993 di antara AIMBB dan defendan pertama, AIMBB telah meluluskan kepada defendan pertama kemudahan 'Revolving Credit' berjumlah RM10j berserta dengan kadar faedah yang akan ditentukan dari masa ke semasa (sila rujuk lampiran 5, eks DBO-2).

[5] Melalui Gerenti Korporat bertarikh 3 Julai 1993 di antara defendan kedua dengan AIMBB, defendan kedua telah bersetuju untuk menjamin dan

menanggung rugi dan membayar semua jumlah yang terhutang oleh defendan pertama kepada AIMBB (sila rujuk lampiran 5, eks DBO-3).

[6] Melalui surat tawaran bertarikh 17 September 1993 atas permintaan defendan pertama, AIMBB telah bersetuju untuk meluluskan kepada defendan pertama kemudahan 'Revolving Credit-Bankers Guarantee' berjumlah RM10j berserta dengan kadar faedah yang akan ditentukan oleh AIMBB (sila rujuk lampiran 5, eks DBO-4).

[7] Melalui Gerenti Korporat bertarikh 11 April 1994 di antara defendan kedua dengan AIMBB, defendan kedua telah bersetuju untuk menjamin dan menanggung rugi segala jumlah yang terhutang oleh defendan pertama kepada AIMBB (sila rujuk lampiran 5, eks DBO-5).

[8] Selanjutnya melalui surat tawaran bertarikh 21 Disember 1995, di antara AIMBB dan defendan pertama, AIMBB telah meluluskan kepada defendan pertama kemudahan tambahan 'Interchangeable Revolving Credit-Bankers Guarantee' berjumlah RM5j berserta dengan kadar faedah yang akan ditentukan oleh AIMBB dari masa ke semasa (sila rujuk lampiran 5, eks DBO-6).

[9] Melalui Gerenti Korporat bertarikh 22 Disember 1995 di antara defendan kedua dengan AIMBB, defendan kedua telah bersetuju untuk menjamin dan menanggung rugi dan membayar semua jumlah yang terhutang oleh defendan pertama kepada AIMBB (sila rujuk lampiran 5, eks DBO-7).

[10] Defendan pertama gagal mengawalselia kemudahan-kemudahan itu.

[11] Plaintif melalui peguamnya telah menghantar surat tuntutan kepada defendan-defendan (sila rujuk lampiran 5, ekshibit-ekshibit DBO-8 hingga DBO-12).

[12] Plaintif juga mengemukakan perakuan keberhutangan defendan-defendan (sila rujuk lampiran 5, eks DBO-13 dan DBO-14).

KES DEFENDAN-DEFENDAN

[13] Defendan pertama pada 30 April 1993 memasuki perjanjian kemudahan dengan AIMBB tetapi perjanjian itu tidak lagi berkuatkuasa.

[14] Plaintif dan defendan-defendan telah bersetuju bahawa satu Perjanjian Komposit dicapai untuk semua pinjaman yang diberikan kepada defendan-defendan oleh AIMBB di mana ia diambil alih oleh Sime Merchant Bank Berhad.

[15] Pihak-pihak telah bersetuju bahawa semua pinjaman yang diberikan kepada defendan pertama distruktur semula melalui surat tawaran bertarikh 29 Julai 2003 dan plaintif bersetuju untuk memberi perlanjutan masa sehingga 31 Januari 2004 untuk pembayaran balik jumlah yang tertunggak.

[16] Defendan kedua tanpa bantahan daripada plaintif menyatakan pada 29 Oktober 2003 bahawa faedah akan dibayar balik bersama-sama jumlah prinsipal (sila rujuk lampiran 7, eks LCC-1).

[17] Defendan kedua juga telah meminta plaintif membantu dalam penjualan Hotel Helang Langkawi dan pada 29 April 2004 mengemukakan laporan penilaian kepada plaintif (sila rujuk lampiran 7, eks LCC-2).

[18] Defendan kedua juga telah membenarkan penjualan Oil Palm Estate di Ulu Belanga, Bintulu Sarawak (sila rujuk lampiran 7, eks LCC-3).

[19] Defendan-defendan percaya plaintif akan mematuhi perjanjian penyelesaian tersebut dan plaintif masih belum menamatkan perjanjian komposit itu atau membuat apa-apa tuntutan di bawah perjanjian penyelesaian komposit itu.

[20] Adalah juga dipersetujui oleh pihak-pihak bahawa kadar faedah untuk perjanjian 'consolidated settlement' adalah 1% di atas Kadar Pinjaman Asas Malayan Banking Berhad dan defendan-defendan mempunyai masa sehingga 31 Januari 2004 untuk membayar jumlah penyelesaian yang telah dikaji semula.

[21] Tanpa mengambil kira persetujuan di atas, plaintif telah secara salah mengemukakan tuntutan ini.

PERTIMBANGAN MAHKAMAH

[22] Tiada merit dalam rayuan defendan-defendan di sini.

[23] Adalah nyata dan jelas bahawa defendan pertama telah menerima dan menggunapakai kemudahan-kemudahan yang diberikan kepadanya (sila rujuk lampiran 5, eksibit-eksibit DBO-2, DBO-4 dan DBO-6).

A **[24]** Mengenai kedudukan Gerenti-Gerenti Korporat ia adalah masih berterusan dan tidak pernah diberhentikan oleh mana-mana pihak dan tentunya obligasi defendan kedua masih berterusan.

B **[25]** Mengenai Perjanjian Komposit, defendan-defendan telah mengingkari perjanjian itu dan ia tidak dalam sebarang cara juapun mengikat plaintif (sila rujuk lampiran 5, ekshibit-ekshibit DBO-15, DBO-16 dan DBO-17).

C **[26]** Defendan-defendan telah mengakui tuntutan plaintif untuk sejumlah RM49.6j dan plaintif memberikan syarat-syarat pembayaran melalui surat bertarikh 29 Julai 2003 dan diakui terima oleh defendan-defendan melalui surat bertarikh 14 Ogos 2003 (sila rujuk lampiran 5, ekshibit-ekshibit DBO-15 dan D-16).

D **[27]** Antara terma-terma pembayaran adalah defendan-defendan dikehendaki membuat bayaran faedah pada kadar 1% di atas Kadar Pinjaman Asas Malayan Banking Berhad bermula daripada 1 Oktober 2003 dan ini telah dipersetujui oleh defendan (sila rujuk lampiran 5, eks DBO-16).

E **[28]** Melalui surat bertarikh 29 Julai 2003, plaintif menetapkan bahawa tarikh 3 September 2003 sebagai tarikh untuk defendan-defendan menyelesaikan keseluruhan hutang mereka, namun defendan-defendan memohon untuk perlanjutan masa dan ini juga dipersetujui oleh plaintif
F kecuali permohonan untuk perlanjutan masa bagi pembayaran faedah ditolak oleh plaintif (sila rujuk lampiran 5, eksibit-eksibit DBO-15 dan DBO-17).

G **[29]** Oleh itu, apabila defendan gagal mematuhi terma-terma penyelesaian itu, maka defendan-defendan sememanglah yang telah memungkiri terma-terma penyelesaian tersebut.

H **[30]** Mengenai isu penjualan Hotel Helang Langkawi dan Oil Palm Estate di Ulu Belanga, Bintulu Sarawak, ia adalah kewajipan defendan-defendan untuk menguruskan penjualannya.

I **[31]** Apa yang nyata adalah defendan kedua telah mengakui keberhutangan dan mengesahkan persetujuan terhadap terma-terma yang terkandung dalam surat tawaran plaintif untuk penyelesaian (sila rujuk lampiran 5, eksibit-eksibit DBO-15 dan DBO-18).

[32] Mengenai perakuan keberhutangan yang dikemukakan oleh plaintif seperti di lampiran 5, eks DBO-14 di mana ia adalah satu bukti konklusif terhadap hutang defendan-defendan kecuali mereka dapat menunjukkan

kepada mahkamah bahawa terdapat 'manifest error' di dalam perakuan keberhutangan itu dan ini gagal ditunjukkan oleh defendan-defendan di sini.

[33] Klausa 13, eks DBO-7 di lampiran 5 yang merupakan 'Corporate Guarantee', defendan kedua telah bersetuju bahawa perakuan keberhutangan yang dikeluarkan oleh plaintif adalah mengikat mereka.

KEPUTUSAN

[34] Kesimpulannya, adalah jelas daripada semua afidavit relevan yang difailkan, defendan-defendan gagal menunjukkan bahawa mereka mempunyai pembelaan bermerit dan adalah wajar satu penghakiman muktamad dimasukkan terhadap defendan-defendan. Keputusan Timbalan Pendaftar dikekalkan.

Rayuan defendan-defendan ditolak dengan kos.

Reported by Brendan Navin Siva